



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**14 Februari 2023
4 Sya'ban 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> • Bina pangkalan hadapan atasi jenayah perikanan • Udang galah Sungai Kahang jadi 'buruan'
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none"> •
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none"> • Pukat Tarik erat ikatan keluarga
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none"> • El Nino tidak jejas sumber bekalan • Dua pangkalan dibina atasi kerang dicuri • Pesta udang galah di Sungai Kahang • [ONLINE] El Nino tidak jejas sumber bekalan negara – Mohamad Sabu
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none"> • Bertarung nyawa selamatkan diri selepas bot karam • Nilai pengeluaran usahawan myAP cecah RM22.8 juta • [ONLINE] El Nino tak jejaskan bekalan makanan – Mat Sabu
The Star	<ul style="list-style-type: none"> •
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none"> •
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none"> •
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none"> •
Malaysiakini	<ul style="list-style-type: none"> •
Bernama	<ul style="list-style-type: none"> • [ONLINE] El Nino : Tanaman, Sumber Bekalan Makanan Tempatan Tidak Terjejas - Mohamad
Borneo Post (Kuching)	<ul style="list-style-type: none"> •
The Sun	<ul style="list-style-type: none"> • [ONLINE] El Nino : Local crops, food supplies under control, unaffected – Mohamad Sabu
TV Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> • [ONLINE] El Nino: Tanaman, sumber bekalan makanan tempatan tidak terjejas – Mohamad
Life News Agency	<ul style="list-style-type: none"> • [ONLINE] Usahawan MyAP berjaya tembusi pasaran antarabangsa

UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		29	14/2/2024

Dalam Negeri

AM M15 29 14/2/2024

Bina pangkalan hadapan atasi jenayah perikanan

Oleh MOHAMAD ATHIR ISMAIL
athir.ismail@mohamathir.com.my

KLANG: Kerajaan negeri bercadang menempatkan pangkalan hadapan di sepanjang perairan Pantai Barat dari Sabak Bernam hingga ke Kuala Selangor bagi mengawal aktiviti jenayah perikanan di kawasan tersebut.

Ini kerana, terdapat 10 kawasan dikenal pasti sebagai lokasi panas aktiviti kecurian benih dan anak kerang yang menjejaskan tangkapan hasil laut itu di Selangor.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, pangkalan tersebut boleh digunakan oleh agensi penguatkuasaan serti Jabatan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Polis Marin dan Jabatan Perikanan untuk menempatkan aset mereka bagi memantau dan mencegah aktiviti terbahit.

"Kesemua tapak-tapak itu ada dalam penelitian cuma tindakan susulan yang perlu dilakukan kerana ada beberapa kekangan

yang melibatkan undang-undang, peraturan dan peralatan. Jadi itu yang kita akan atasi dalam masa terdekat dan juga ada beberapa isu teknikal dan strategik yang kita kena ambil.

"Ia memberikan peringatan bahawa operasi berterusan dilakukan dan pada bila-bila masa mereka boleh ditahan kerana kesalahan yang dilakukan," katanya dalam sidang akhbar selepas melawat perairan sepanjang 60 batu nautika (112 kilometer) dari Bagan Nakhoda Omar, Sabak Bernam hingga ke Pelabuhan Klang, semalam.

Menerusi kewujudan pangkalan tersebut, pihak berkuasa dapat menyiasat dan mengenal pasti secara terperinci individu yang terlibat dengan aktiviti kecurian benih dan anak kerang serta jenayah perikanan lain seperti penggunaan bubu naga.

Amirudin menjelaskan tindakan penguatkuasaan tersebut adalah penting untuk memelihara aktiviti pembiakan kerang di sepanjang perairan Selangor

yang dianggap hasil bergred tinggi.

"Masalahnya, harga kerang mahal itu sementara, tetapi hal lebih utama ialah kita kehilangan warisan yang sangat besar. Kualiti kerang di Selangor adalah antara gred paling disukai berbanding tempat lain dari segi isunya lebih besar dan rasanya enak.

"Kerang amat berharga sebab itu ia dihantar atau diseludup ke negara jiran atau dijual ke beberapa orang. Jadi, ada orang yang ingin ambil kesempatan, jalan mudah untuk mendapat keuntungan.

"Tetapi, akhirnya warisan kita yang sangat berharga itu akan hilang. Sedangkan itu adalah untuk nelayan-nelayan tempatan ataupun pengusaha-pengusaha tempatan, tetapi ada

orang yang tidak bertanggungjawab," tegasnya.

Behau turut mengenal pasti kawasan yang terlibat dengan masalah pencemaran seperti di Kampung Tok Muda Kapar termasuk mengarahkan pembentangan laporan kajian kesan pencemaran yang dilakukan oleh SIRIM.

"Aspek itu akan segera diambil tindakan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan saya minta satu laporan kajian oleh SIRIM dibentangkan mengenai kesan-kesan daripada pencemaran yang kita akan dapat atasi sepenuhnya selepas melaksanakan zero discharge policy (ZDP) ataupun polluters pay principle.

"Kita sudah meminda beberapa enakmen yang membolehkan pelaksanaannya. Ia akan dibuat secara berperingkat dan tidak boleh mengejut kerana melibatkan banyak pihak," ujarnya.

AMIRUDIN Shari meninjau kawasan perairan di sekitar Sabak Bernam yang dikenal pasti sebagai tempat pembenihan dan pembiakan kerang Selangor. -UTUSAN/AFIQ RAZALI



JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		32	14/2/2024

um m/s 32 14/2/2024

Udang galah Sungai Kahang jadi 'buruan'



SEORANG pemancing menunjukkan hasil diperoleh selepas sehari memancing udang galah di Sungai Kahang, Kluang, Johor.

KLUANG: Pemancing udang galah bagaikan berpesta di Sungai Kahang apabila setiap seorang membawa pulangan tangkapan lumayan sejak seminggu lalu.

Apa tidaknya, walaupun dianggap baru belajar memancing, namun mereka masih tetap membawa pulang sekurang-kurangnya tiga kilogram udang galah bersaiz A hanya dalam tempoh beberapa jam.

Pemilik Jeti Lubuk Pungkur, Osman Manap, 55, berkata, sebaik sahaja air sungai mulai surut pada 4 Februari lalu, setiap hari kira-kira 20 pemancing akan mencuba nasib dan masing-masing membawa pulang tangkapan lumayan.

Keadaan itu membuatkan bot yang disediakan untuk pemancing tidak mencukupi, termasuk di beberapa pengkalan lain seperti di Kolin, Jarut, Tanah Abang dan Loji.

“Jika dikira secara keseluruhan lima jeti di Sungai Kahang, pemancing yang datang setiap hari tidak kurang dari 100 orang.

“Jumlah ini akan bertambah apabila cuti hujung minggu kerana pemancing akan turun selama dua hari bagi membolehkan mereka membawa hasil sekurang-kurangnya 10 kilogram,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Dalam pada itu, seorang pemancing yang hanya mahu dikenali sebagai Daus, 35, berkata, peluang cuti sempena sambutan Tahun Baharu Cina digunakan sepenuhnya untuk memancing selepas melihat hasil yang lumayan diperoleh pemancing lain.

Walaupun jarang turun memancing akibat kekangan tugas, namun ia tetap tidak menghampak, malah mampu membawa pulangan hasil yang berbaloi.

JENIS AKHIBAR

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	✓ NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	17	14/2/2024

Hm MS 17 14/2/2024



NELAYAN dan remaja kampung bergotong-royong menarik pukat.



KANAK-KANAK menerima ikan hasil membantu menarik pukat bersama nelayan dan penduduk tempatan.

AKTIVITI NELAYAN DI AKHIR MUSIM TENGGUJUH
PUKAT TARIK ERAT IKATAN KELUARGA

Kuala Nerus

Nelayan melakukan aktiviti mencari hasil laut dengan menggunakan pukat tarik semasa tinjauan di Kampung Mengabang Lekor, Batu Bakik.

Cuaca yang semakin baik di akhir musim tengkujuh ketika ini membolehkan penduduk di pesisir pantai di Terengganu memulakan aktiviti tarik pukat darat untuk mendapatkan hasil laut.

Tinjauan mendapati beberapa kumpulan nelayan bersama penduduk setempat bergotong-royong melakukan amalan

tradisi nelayan sejak dahulu lagi pada setiap akhir musim tengkujuh, sebelum mereka kembali ke laut.

Pukat tarik yang natu masa dahulu pernah menjadi amalan tradisi nelayan tepi pantai untuk mengukuhkan ikatan keketurunan. 900 hingga minggu terakhir sudah lenyap. Aktiviti

menarik pukat sepanjang kira-kira 600 meter lebih rumit berbanding memukat di tengah laut namun kerjasama yang diperlukan secara tidak langsung mengeratkan perhubungan dan silaturahim masyarakat setempat tanpa mengira batas usia selain menambahkan pendapatan sampingan.



HASIL laut yang diperolehi daripada aktiviti memukat di pinggir pantai.



NELAYAN mengumpul ikan yang diperolehi.

SIORANG nelayan memuntahkan ikan yang berjaya ditanya raih menggunakan pukat tarik.

JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	✓	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	NEUTRAL	4	14/2/2024

KOSMO 14/2/2024 MJS 4

Petani, penternak, nelayan terus diminta bersedia

El Nino tidak jejas sumber bekalan

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

SHAH ALAM – Fenomena El Nino yang dijangka melanda negara sehingga Jun depan tidak menjejaskan sumber makanan bekalan negara, setakat ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, cuaca panas berpanjangan itu tidak mempengaruhi bekalan daripada petani, penternak dan nelayan.

Jelas beliau, pemerhatian pihaknya mendapati sumber bekalan ketika ini masih mencukupi biarpun fenomena itu diramal lebih kritikal pada tahun depan.

“Kementerian sememangnya ada menerima aduan biasa contohnya daripada petani tetapi ia melibatkan masalah alat timbangan.

“Namun insya-Allah sumber bekalan makanan masih terjamin dan mencukupi,” katanya selepas melakukan lawatan kerja ke kilang Keropok House & Industry Sdn. Bhd. di Seksyen 27, di sini semalam.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, semua penternak, petani dan nelayan bagaimanapun diminta supaya ‘sediakan payung sebelum hujan’ dengan mematuhi arahan pihak berkuasa termasuk Kementerian Kesihatan (KKM).

“Semua pihak diminta bersedia menghadapi segala kemungkinan berikutan fenomena El Nino ini,” katanya.

Tambah beliau, pada ming-



MOHAMAD (dua dari kanan) ketika melawat kilang pemprosesan keropok lekor di Keropok House & Industry Sdn. Bhd. di Seksyen 27, Shah Alam semalam. – M. FIRDAUS M. JOHARI

gu hadapan pihaknya akan menyertai mesyuarat bersama Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) bagi membincangkan persiapan negara menghadapi fenomena tersebut.

“Cuaca panas ini akan dihadapi dalam tempoh lama dan golongan itu perlu mematuhi semua arahan pihak berkuasa termasuk daripada KKM.

“Saya setakat ini belum dimaklumkan mengenai perkara itu, namun kita tidak bergerak secara bersendirian dan akan menyelesaikannya secara bersama dengan beberapa kementerian,” katanya.

Pada minggu lalu, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Muhammad Helmi Abdullah memaklumkan, El Nino dengan intensiti kuat yang sedang melanda dunia ketika ini dijangka berterusan di negara ini.

El Nino dijangka menjadi lebih ekstrem dengan peningkatan suhu dan pengurangan jumlah taburan hujan di seluruh negara pada tahun ini disebabkan faktor pemanasan global yang dihadapi dunia ketika ini.

Fenomena El Nino sering menyebabkan hujan berkurangan sekali gus berisiko mengakibatkan paras air sungai merosot dan empangan menjadi kering.

JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	✓	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	NEUTRAL	16	14/2/2024

KOSMO M/S 16
14/2/2024



AMIRUDIN (dua dari kanan) bertanya sesuatu dengan seorang nelayan ketika lawatan di Perairan Selangor Utara semalam. – AFIQ RAZALI

Perairan Sabak Bernam, Kuala Selangor jadi sasaran

Dua pangkalan dibina atasi kerang dicuri

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

KLANG – Dua pangkalan hadapan akan dibina di Sabak Bernam dan Kuala Selangor dekat sini dalam memerangi kegiatan kecuaihan benih dan anak kerang berkualiti tinggi sepanjang perairan tersebut.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, ini menunjukkan tahap keseriusan kerajaan negeri susulan kerang Selangor khususnya adalah antara gred yang disukai berbanding di tempat lain susulan isi lebih besar dan rasanya lebih baik.

Katanya, ini menyebabkan banyak kerang berharga tersebut diseludup ke negara jiran terutama Thailand.

“Apa yang pasti satu (pangkalan hadapan) di Kuala Selangor dan Sabak Bernam. Semua agensi penguatkuasaan boleh turun di situ (meletakkan aset mereka) bagi memudahkan proses pemantauan dan penguatkuasaan.

“Kalau tengok sama ada Pasukan Polis Marin (PPM), Maritim Malaysia (APMM) semua di sini (Pelabuhan Klang). Sedangkan jarak dari sini hingga Bagan Nakhoda Omar (BNO) Sabak Bernam adalah kira-kira 60 batu nautika (111.12 kilometer),” katanya pada sidang akhbar di Markas Operasi PPM Pelabuhan Klang di sini.

Beliau bagaimanapun tidak memberikan secara lanjut jumlah benih atau anak kerang telah diseludup ke negara jiran.

Terdahulu, beliau meluangkan masa hampir empat jam dalam menyelusuri perairan dari BNO hingga Markas PPM berhubung aktiviti curi anak dan benih kerang.

Amirudin menjelaskan, sebanyak 10 hot spot termasuk beberapa lokaliti di Sabak Bernam seperti Sungai Haji Dorani yang menjadi lokasi kegiatan curi benih dan anak kerang tersebut.

“Ada orang ambil kesempatan dengan melaksanakan keuntungan singkat dan akhirnya warisan ini (kerang) hilang sedangkan ini untuk nelayan tempatan atau pengusaha kerang.

“Saya pasti ada lokal (orang tempatan) yang terlibat. Kita akan siasat,” tegasnya.

JENIS AKHBAR

JENIS AKHBAR					MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	✓	THE STAR	NANYANG SIANG PAU				
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSI					16	14/2/2024		

Pesta udang galah di Sungai Kahang

KOSMO
M/S 16
14/2/2024

KLUANG – Pemancing udang galah bagaikan berpesta di Sungai Kahang selepas setiap seorang yang turun memancing membawa pulangan lumayan sejak seminggu lalu.

Walaupun dikategorikan sebagai baru belajar memancing masih tetap membawa pulang sekurang-kurangnya 3 kilogram udang galah bersaiz A hanya dalam tempoh beberapa jam memancing.

Pemilik Jeti Lubuk Pungkur, Osman Manap, 55, berkata, sebaik air sungai mulai surut pada 4 Februari lepas, setiap hari sekurang-kurangnya 20 pemancing dari jeti itu akan turun dan masing-masing membawa pulang tangkapan lumayan.

Katanya, keadaan ini membuatkan bot yang disediakan untuk pemancing tidak mencukupi termasuk di beberapa pengkalan lain seperti di Kolin, Jarut, Tanah Abang dan Loji.

“Jika dikira secara keseluruhan lima jeti di Sungai Kahang, pemancing yang memancing dalam sehari tidak kurang dari-

pada 100 orang.

“Jumlah ini akan bertambah lagi apabila cuti hujung minggu yang mana kebanyakan pemancing akan memancing selama dua hari bagi membolehkan mereka membawa hasil sekurang-kurangnya 10 kilogram,” katanya ketika ditemui Kosmo! semalam.

Dalam pada itu, seorang pemancing yang hanya mahu dikenali sebagai Daus, 35, berkata, peluang cuti Tahun Baharu Cina digunakan sepenuhnya untuk turun memancing selepas melihat hasil diperolehi pemancing lain.

Ujarnya, walaupun jarang turun memancing akibat kekangan tugas, namun tetap tidak menghampakan malah mampu memberikán pulangan lumayan kepada sesiapa sahaja yang mencuba nasib di Sungai Kahang ini.

“Tidak tahu sampai bila keadaan ini akan berlaku namun ia bagai fenomena pelik kerana setiap ekor udang galah yang dinaikan hampir semua bersaiz A,” katanya.



SEORANG pemancing menunjukkan hasil diperolehi selepas sehari memancing udang galah di Sungai Kahang, Kluang semalam.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !	✓	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		ONLINE	14/2/2024



El Nino tidak jejas sumber bekalan negara – Mohamad Sabu

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

13 Februari 2024, 2:19 pm

Mohamad (kiri) ketika meninjau proses keropok lekor di House & Industri Sdn. Bhd. di Seksyen 27 Shah Alam. Foto M. FIRDAUS M. JOHARI

SHAH ALAM – Fenomena El Nino yang dijangka melanda negara sehingga Jun depan tidak menjejaskan sumber makanan bekalan negara, setakat ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, cuaca panas berpanjangan itu tidak mempengaruhi bekalan daripada petani, penternak dan nelayan.

Jelas beliau, pemerhatian pihaknya mendapati sumber bekalan ketika ini masih mencukupi biarpun fenomena itu diramal lebih kritikal pada tahun depan.

“Kementerian sememangnya ada menerima aduan biasa contohnya daripada petani tetapi ia melibatkan masalah alat timbangan, namun insya-Allah sumber bekalan makanan masih terjamin dan mencukupi,” katanya selepas melakukan lawatan kerja ke Keropok House & Industry Sdn. Bhd. di Seksyen 27, di sini hari ini.

Minggu lalu, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, Muhammad Helmi Abdullah memaklumkan, El Nino dengan intensiti kuat yang sedang melanda dunia ketika ini dijangka berterusan hingga pertengahan tahun ini.

Menurut Mohamad Sabu, semua penternak, petani dan nelayan bagaimanapun diminta supaya ‘sediakan payung sebelum hujan’ dengan mematuhi arahan pihak berkuasa termasuk Kementerian Kesihatan (KKM). – KOSMO! ONLINE

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	✓	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		25	14/2/2024

SH MS 25 14/2/2024

Seorang nelayan berjaya berenang 30 meter ke pesisir pantai

Bertarung nyawa selamatkan diri selepas bot karam

Oleh NORHASPIDA YATIM
KUALA NERUS

Seorang nelayan ter- selamat walaupun bot yang dinaiki terbalik sebelum karam akibat dilambung ombak ketika dalam perjalanan pulang ke jeti Seberang Takir, di sini.

Zawawi Mustafa, 49, ber- kata, dia sempat me- nyelamatkan diri de- ngan berenang ke tepi pantai selepas bot itu tidak boleh dikemudi kerana enjinnya rosak dalam kejadian kira-kira jam 6 petang, Ahad lalu.

Menurutnya, waktu itu dia hanya berfikir untuk menyelamatkan diri dengan berenang sejauh kira-kira 30 meter ke pesisir pan- tai.

"Ini pengalaman kedua saya. Saya pernah berdepan peng-

alaman sama dua tahun lalu pada musim tengkujuh," katanya ketika ditemui pemberita di lokasi ke- jadian pada Selasa.

Sebelum itu, dia bersama Pengerusi Program myKomuniti Perikanan (myKP) Seberang Takir, Mohd Syukri Ghani, 52, membuat laporan di Balai Polis Gong Badak.

Menurut Mohd Syukri, anggaran ke- rugian ditanggung Zawawi sekitar RM8,000 termasuk kehilangan alatan pe- ranti sistem pengesanan global (GPS), peralatan me- nangkap ikan, hasil laut, enjin bot dan dompet yang mengandungi wang tunai RM460.

"Laporan polis berhubung ke- jadian telah dibuat dan juga lapo- ran ke Jabatan Perikanan Negeri

Terengganu untuk tindakan lanjut.

"Kita harap ia dapat sedikit sebanyak membantu untuk me- nyokong dia kembali mencari sumber pendapatan di laut," kata- nya.

Dalam pada itu, Mohd Syukri berkata, laut sudah menjadi darah daging buat para nelayan untuk mencari sumber rezeki lebih-lebih lagi pada waktu mencabar seperti musim tengkujuh.

Bagaimanapun, katanya, fak- tor keselamatan perlu dititikbera- kan bagi mengelak tragedi tidak diingini berlaku.

"Biasanya nelayan akan cuba turun ke laut pada musim teng- kujuh bergantung pada keadaan cuaca elok," katanya.

Sebelum itu, tular sebuah vi- deo berdurasi 60 saat di media sosial memaparkan sebuah bot yang dinaiki seorang nelayan di-



Zawawi (kiri) bersama Mohd Syukri (kanan) melihat bot milikny yang rosak berhampiran jambatan angkat di Kuala Nerus pada Selasa.

lihat terbalik dilambung ombak dalam kejadian di Pantai Seberang Takir, di sini.

Video yang dimuat naik me- nerusi hantaran di laman Viral Media Terengganu pada malam Isnin itu mendapat 94,000 tonton-

an, 1,100 reaksi dan 60 per- kongsian.

Berdasarkan perkongsian, bot berkenaan dilihat menghampiri pesisir pantai namun gagal di- tadai kerana ia ombak terlalu kuat menyebabkannya terbalik.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR	NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	✓	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		13
							14/2/2024

SH ALAM 13 14/2/2024 Nilai pengeluaran usahawan myAP cecah RM22.8 juta

SHAH ALAM - Nilai pengeluaran produk keluaran program usahawan my-Agropreneur perikanan (myAP) mencecah RM22.8 juta pada tahun 2023.

Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Datuk Adnan Hussein berkata, susulan kejayaan tersebut, produk pemrosesan ikan di Malaysia berjaya menembusi pasaran antarabangsa dan mendapat permintaan yang tinggi.

Menurutnya, nilai pengeluaran myAP seluruh Malaysia pada 2022 adalah sebanyak RM18.5 juta dengan penglibatan seramai 72 usahawan.

"Pada 2023 nilai pengeluaran terus meningkat dan kita telah berjaya membimbing 78 usahawan.

"Perusahaan pemrosesan ikan ini telah berjaya menembusi pasaran Australia, Singapura dan Brunei," katanya dalam Lawatan Kerja Projek Industri Asas Tani (IAT) Keropok House and Industry



FOTO: KPKM

Mohamad (tiga dari kanan) bergambar bersama produk salah seorang usahawan dalam program myAP pada Selasa.

Sdn Bhd, Seksyen 27 di sini pada Selasa.

Teks ucapan Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia dibacakan oleh Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan), Bohari Leng.

Mengulas lanjut, menurut Adnan, program tersebut telah terbukti membantu golongan sasaran untuk menambah hasil pendapatan.

Jelasnya, selain memberi

bimbingan, mereka turut membantu dari segi pemasaran menerusi pelbagai platform termasuk pameran dan karnival keusahawanan.

"Usahawan myAP turut mendapat sokongan teknikal daripada pihak kami dalam pengurusan dan operasi perniagaan mereka.

"Sokongan ini termasuk pemantauan kualiti produk, penguatkuasaan undang-undang

perikanan dan penyelesaian masalah berkaitan perniagaan," ujarnya.

Dalam pada itu, menurut Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, kejayaan usahawan tempatan dalam bidang pertanian dan makanan perlu menjadi inspirasi dan contoh.

Katanya, golongan belia semakin aktif menceburi bidang

pertanian dan pelancongan dengan melakukan pelbagai inovasi produk.

"Saya amat gembira melihat kejayaan pengusaha dan peniaga bumiputera berjaya menembusi pasaran antarabangsa.

"Golongan muda dan belia di negara ini semakin ramai berjinak-jinak dalam bidang pertanian termasuk ternakan ikan, kebun buah-buahan dan juga chalet yang diusahakan," katanya.

Sementara itu katanya, fenomena cuaca El Nino yang berlangsung sehingga Jun tahun ini tidak akan menjejaskan bekalan makanan dalam negara.

"Walaupun terdapat aduan daripada petani, namun keadaan tanaman masih lagi terkawal.

"Bekalan makanan masih mencukupi dalam tempoh cuaca panas.

"Aduan tetap ada dari masa ke masa dan pihak kami mengambil tindakan susulan terhadap masalah itu," katanya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	✓	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		ONLINE	14/2/2024

'El Nino tak jejasakan bekalan makanan' - Mat Sabu

Oleh FARHANA ABD KADIR 13 Februari 2024 01:43pm



Mohamad ketika sidang media sempena Program Lawatan KPKM di Jelapang Padi Batang Lupar pada Khamis. Foto Bernama

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, walaupun terdapat aduan daripada petani, namun keadaan tanaman masih lagi terkawal.

“Bekalan makanan masih mencukupi dalam tempoh cuaca panas.

“Aduan tetap ada dari masa ke masa dan pihak kami mengambil tindakan susulan terhadap masalah itu,” katanya dalam sidang akhbar dalam Lawatan Kerja Projek Industri Asas Tani (IAT) Keropok House and Industry Sdn Bhd, di sini pada Selasa.

Sebelum ini, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mengingatkan orang ramai supaya sentiasa cakna berkenaan fenomena El Nino dan Monsun Timur Laut, yang dijangka berlaku serentak pada November 2023.

Susulan itu, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, lazimnya El Nino yang berintensiti kuat akan memberi impak signifikan terhadap corak cuaca negara terutamanya ketika fasa akhir Monsun Timur Laut dan musim selepasnya.

Menurutnya, fenomena El Nino dijangka menjadi lebih ekstrem dengan peningkatan suhu dan pengurangan jumlah taburan hujan di seluruh negara pada tahun ini, susulan faktor pemanasan global yang dihadapi dunia pada masa ini.

Mengulas lanjut, Mohamad Sabu berkata, semua pihak diminta bersedia menghadapi segala kemungkinan.

Tambah beliau, pada minggu hadapan pihaknya akan menyertai mesyuarat bersama Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) bagi membincangkan persiapan negara menghadapi El Nino.

“Cuaca panas ini akan dihadapi dalam tempoh lama dan golongan itu perlu mematuhi semua arahan pihak berkuasa termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

“Saya setakat ini belum dimaklumkan mengenai perkara itu namun kita tidak bergerak secara bersendirian dan akan menyelesaikannya secara bersama dengan beberapa kementerian,” katanya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI BERNAMA ✓		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		ONLINE	14/2/2024

EL NINO: TANAMAN, SUMBER BEKALAN MAKANAN TEMPATAN TIDAK TERJEJAS - MOHAMAD



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu (dua, kanan) melawat gerai makanan ketika menghadiri lawatan kerja ke projek Industri Asas Tani (IAT) Keropok House Industry Sdn Bhd di Megah Industrial Park, hari ini.

13/02/2024 03:08 PM

SHAH ALAM, 13 Feb (Bernama) – Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu memberi jaminan keadaan tanaman dan sumber bekalan makanan tempatan tidak terjejas setakat ini biarpun negara sedang berdepan dengan cuaca panas dan fenomena El Nino.

Beliau berkata pemantauan sentiasa dijalankan dari semasa ke semasa, dan pada masa sama meminta petani, nelayan dan penternak mengambil langkah penjagaan kesihatan yang lebih baik terutama ketika bekerja di lapangan.

"Cuaca panas ini akan dihadapi dalam tempoh lama dan golongan itu (petani) perlu mematuhi semua arahan pihak berkuasa termasuk Kementerian Kesihatan (KKM)," katanya selepas melakukan lawatan kerja ke Keropok House & Industry Sdn Bhd di Seksyen 27 di sini hari ini.

Pada masa sama, Mohamad berkata pihak kementeriannya akan menyertai mesyuarat bersama Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) pada minggu depan, bagi membincangkan persiapan negara dalam menghadapi fenomena El Nino.

Media sebelum ini melaporkan, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Muhammad Helmi Abdullah memaklumkan El Nino dengan intensiti kuat yang sedang melanda dunia ketika ini dijangka berterusan sehingga pertengahan tahun ini.

– BERNAMA

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	✓	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		ONLINE	14/2/2024

El Nino: Local crops, food supplies under control, unaffected - Mohamad Sabu

13-02- 2024 03:12 PM



Datuk Seri Mohamad Sabu (middle)–Bernamapix

SHAH ALAM: The Minister of Agriculture and Food Security, Datuk Seri Mohamad Sabu, has assured that the local crops and food supplies are under control and unaffected by the hot weather conditions and the El Nino phenomenon.

Mohamad said the ministry will continue to monitor the situation as the phenomenon is expected to become more critical next year.

He also advised farmers, fishermen, and livestock breeders to take care of their health and take precautions while out in the field.

“This dry weather will go on for a long period, and the group (farmers, fishermen, breeders) must comply with the instructions from the authorities, including the Ministry of Health (MOH),” he told reporters after visiting the Keropok House & Industry Sdn Bhd in Section 27, here, today.

In the meantime, he said the ministry is expected to meet with the Ministry of Natural Resources and Environmental Sustainability next week to prepare for the country to face the dry season.

The Meteorological Department director-general Muhammad Helmi Abdullah said that the El Nino phenomenon, which is currently affecting the world with strong intensity, is expected to continue until the middle of this year.—
Bernamapix

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI TV SARAWAK			✓
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		ONLINE 14/2/2024	



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu (tengah) menghadiri lawatan kerja ke projek Industri Asas Tani (IAT) Keropok House Industry Sdn Bhd di Megah Industrial Park, hari ini. Foto Bernama.

El Nino: Tanaman, sumber bekalan makanan tempatan tidak terjejas – Mohamad

ByBernama

#bm, Malaysia

February 13, 2024

SHAH ALAM, 13 Feb: Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu memberi jaminan keadaan tanaman dan sumber bekalan makanan tempatan tidak terjejas setakat ini biarpun negara sedang berdepan dengan cuaca panas dan fenomena El Nino.

Beliau berkata pemantauan sentiasa dijalankan dari semasa ke semasa, dan pada masa sama meminta petani, nelayan dan penternak mengambil langkah penjagaan kesihatan yang lebih baik terutama ketika bekerja di lapangan.

“Cuaca panas ini akan dihadapi dalam tempoh lama dan golongan itu (petani) perlu mematuhi semua arahan pihak berkuasa termasuk Kementerian Kesihatan (KKM),” katanya selepas melakukan lawatan kerja ke Keropok House & Industry Sdn Bhd di Seksyen 27 di sini hari ini.

Pada masa sama, Mohamad berkata pihak kementeriannya akan menyertai mesyuarat bersama Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) pada minggu depan, bagi membincangkan persiapan negara dalam menghadapi fenomena El Nino.

Media sebelum ini melaporkan, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Muhammad Helmi Abdullah memaklumkan El Nino dengan intensiti kuat yang sedang melanda dunia ketika ini dijangka berterusan sehingga pertengahan tahun ini. – TVS

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI LIFE NEWS AGENCY ✓		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		ONLINE	14/2/2024

Usahawan MyAP berjaya menembusi pasaran antarabangsa

FEBRUARY 13, 2024



Gambar Hiasan

SHAH ALAM, 13 Februari 2024 – Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Haji Mohamad Sabu hari ini mengadakan lawatan kerja ke Projek Industri Asas Tani (IAT) Keropok House & Industry Sdn Bhd. Lawatan kerja tersebut adalah bertujuan bagi meninjau perusahaan pemprosesan produk berasaskan ikan yang telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa ke Australia, Singapura dan Brunei.

Bertapak sejak 23 tahun lalu, syarikat yang menjalankan perusahaan keropok lekor di Parlimen Kota Raja itu merupakan usahawan myAgropreneur Perikanan (myAP) di bawah bimbingan Jabatan Perikanan Negeri Selangor. Keropok House & Industry Sdn Bhd menerima bantuan dari jabatan pada 2016 dan 2022 melalui bantuan Sistem Penyampaian dan Khidmat Sokongan Pengembangan (SPEKS) sebanyak RM43,500 bagi mempertingkatkan hasil produk yang dipasarkan.

Syarikat milik Bumiputera itu juga telah memperolehi pensijilan Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP), kualiti dan mutu produk keluaran syarikat turut diperengkap dengan penerimaan pensijilan Good Manufacturing Practise (GMP) dan pensijilan Halal.

Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Dato' Adnan bin Hussain berkata nilai pengeluaran myAP seluruh Malaysia pada tahun 2022 adalah sebanyak RM 18,540,000 dengan melibatkan 72 usahawan manakala pada tahun 2023 nilai pengeluaran mencatatkan peningkatan iaitu sebanyak RM 22,875,000 dengan 78 usahawan.

“Jabatan Perikanan Malaysia bertanggungjawab dalam membangunkan dan memajukan usahawan dan komuniti perikanan. Penubuhan program myAP di Jabatan Perikanan Malaysia telah terbukti membantu golongan sasar untuk menaik taraf kehidupan mereka di samping turut membantu merencanakan ekonomi Malaysia”, ujarnya.

Jelas beliau lagi, selain membantu komuniti perikanan untuk meneroka pelbagai peluang perniagaan berdasarkan sumber perikanan, jabatan juga turut membantu dari aspek pemasaran produk usahawan melalui karnival usahawan perikanan, Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) dan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan (HPPNK) dan pelbagai platform promosi lain.

“Ini merupakan usaha komited jabatan bagi membantu mereka menjual dan memasarkan produk mereka kepada lebih banyak pelanggan, termasuk restoran, pasar tempatan juga pembeli luar negeri. Usahawan myAP turut mendapat sokongan teknikal dari Jabatan Perikanan Malaysia dalam pengurusan dan operasi perniagaan mereka. Sokongan ini termasuklah pemantauan kualiti produk, penguatkuasaan undang-undang perikanan dan penyelesaian masalah yang berkaitan dengan perniagaan”,katanya.

Beliau turut berkata, usahawan myAP juga disaran untuk berpegang kepada pelaksanaan dan pembudayaan Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat (PINTAR) yang telah diberi penekanan oleh menteri sebelum ini. Perkara ini penting bagi melonjakkan produktiviti usahawan, kelangsungan sektor agromakanan negara dan seterusnya bagi memastikan keperluan semasa dapat dipenuhi.